



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

KOD KURSUS : MPU2183

PEPERIKSAAN : JUN 2022

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
 2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
 3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
 4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
 5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
 6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.
-

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam kertas jawapan.

1. "Masyarakat yang telah maju dalam meningkatkan kehidupannya, dilengkapi dengan sistem sosial yang berpandukan nilai keagamaan".
Pernyataan di atas merujuk kepada masyarakat yang
 - A Beradab.
 - B Beretika.
 - C Berdisiplin.
 - D Berbudi pekerti.

2. Berikut merupakan susur masa etika dan peradaban.
Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penghayatan etika dalam sesebuah masyarakat?
 - i Biografi.
 - ii Struktur sosial.
 - iii Negara.
 - iv Sejarah.
 - A i dan ii
 - B i, ii dan iii
 - C i, ii, dan iv
 - D I, ii, iii dan iv

3. Berikut merupakan ciri-ciri peradaban awal di Malaysia.
 - i Pengaruh Timur Tengah berkembang melalui kepercayaan agama.
 - ii Perdagangan telah membuka ruang kepada pengaruh peradaban majmuk.
 - iii Tamadun India tidak memberikan pengaruh yang luas dalam masyarakat Melayu.
 - iv Peradaban China turut menyumbang kepada pengaruh agama masyarakat Melayu.
 - A i dan ii
 - B i dan iii
 - C ii dan iii
 - D ii dan iv

4. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai pengaruh peradaban Islam di Alam Melayu.
 - A Peradaban Melayu telah dipengaruhi oleh pedagang arab yang beragama Islam.
 - B Dinasti Tang telah membuka tiga jalur jalan dagang dengan dunia luar.
 - C Tamadun Barat mempengaruhi urusan pentadbiran di Tanah Melayu.
 - D Tamadun India telah mempengaruhi kawasan Langkasuka.

5. Faktor-faktor berikut merupakan menyumbang kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, **kecuali**
- A Konsep pemerintahan tertutup diamalkan di Kota Melaka.
 - B Hukum kanun Melaka berfungsi memelihara keadilan sosial.
 - C Kewujudan interaksi budaya yang pelbagai dari Timur Tengah, China dan India.
 - D Undang-undang Laut Melaka berperanan menjaga keselamatan perairan Melaka.

6.

Alam Melayu adalah wilayah yang menjadi tempat tumpuan perdagangan antarabangsa.

Pernyataan 1

Apakah faktor utama kedatangan penjajah British ke Alam Melayu?

- A Kekayaan, keagamaan dan kebahagiaan.
- B Keselamatan, keagamaan dan kekayaan.
- C Kekayaan, kemegahan dan keagamaan.
- D Keamanan, kemegahan dan keagamaan.

7.

Maria merupakan pelajar KYPJ yang mampu menjaga penampilan diri dan menjaga batas pergaulan.

Pernyataan 2

Berdasarkan kenyataan di atas, apakah ciri yang sesuai dipadankan dengan Maria?

- A Hurriyyah (Kebebasan).
- B 'Iffah (Memelihara maruah diri).
- C 'Adl (Keadilan).
- D Syaja'ah (Keberanian).

8. Apakah faktor UTAMA yang mempertemukan peradaban India, Cina, Timur Tengah dan Alam Melayu pada era pra-kolonial?

- A Perjanjian.
- B Penjajahan.
- C Perkahwinan.
- D Perdagangan.

9. Islam telah banyak memberi pengaruh dalam perkembangan peradaban Melayu Nusantara. Berikut merupakan ciri-ciri sebuah peradaban, **kecuali**

- A Pengaruh adat resam dan etika masyarakat
- B Budaya berasaskan nilai dan budi pekerti
- C Kemajuan ekonomi masyarakat setempat
- D Penghakisian nilai kemanusiaan

10. Berikut adalah matlamat pembentukan negara bangsa di Malaysia, KECUALI:
- A Memupuk sifat etnosentrik dalam kalangan masyarakat
 - B Menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi
 - C Menghayati kontrak sosial dalam masyarakat majmuk
 - D Membina jati diri dan semangat patriotisme anak bangsa
11. Pilih situasi yang sesuai bagi meraikan detik perpaduan dan detik perbezaan di antara kaum:
- i Menghadiri majlis perkahwinan.
 - ii Memberi sokongan dalam sukan.
 - iii Menikmati cuti umum pelbagai perayaan.
 - iv Mengadakan aktiviti gotong-royong.
- A i dan ii
 - B i, ii dan iii
 - C i, iii dan iv
 - D i, ii, iii dan iv
12. Mengapakah orang Melayu menentang pelaksanaan Malayan Union?
- i Konsep kerakyatan yang terbuka.
 - ii Menggugat kemajuan Tanah Melayu.
 - iii Kewibawaan raja-raja Melayu tergugat.
 - iv Kehilangan hak istimewa orang Melayu.
- A i,ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv
13. Antara berikut, manakah polisi yang diperkenalkan oleh Inggeris yang telah mengeruhkan perpaduan di Tanah Melayu?
- A Dasar dekolonisasi.
 - B Dasar Ekonomi Baru.
 - C Dasar pecah dan perintah.
 - D Dasar Pembangunan Negara.
14. Manakah antara berikut merupakan etika yang perlu diamalkan bagi memastikan kesepaduan sosial dapat dicapai?
- i Menasihati dengan cara yang baik.
 - ii Membuang sampah ke rumah jiran.
 - iii Menyantuni masyarakat yang pelbagai.
 - iv Berdebat menggunakan bahasa yang sopan.
- A i, dan ii
 - B i, ii dan iii
 - C i, iii dan iv
 - D i, ii, iii dan iv

15. Antara berikut yang manakah menunjukkan simbol dan ritual negara dalam memupuk semangat nasionalisme?
- A Perlembagaan.
 - B Lagu kebangsaan.
 - C Tugu Negara.
 - D Hukum Kanun Melaka.

16. Berikut merupakan kenyataan yang benar mengenai Perlembagaan Persekutuan, **kecuali**
- A Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia
 - B Perlembagaan Persekutuan mempunyai unsur Tapak Integrasi
 - C Etika berpakaian pelajar UiTM berdasarkan perlembagaan
 - D Perlembagaan ditubuhkan bagi mengawal tingkah-laku masyarakat di Malaysia

17.

“Variasi kaum dan agama melahirkan kepelbagaian amalan kepercayaan dalam masyarakat”.

Pernyataan 3

Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah cara terbaik bagi menangani isu ini?

- A Menafikan hak dan kepercayaan kaum lain dengan kekerasan.
 - B Menghapuskan kaum lain agar tidak berlaku lagi sebarang konflik.
 - C Titik perbezaan kaum dan kepercayaan diterima dengan berlapang dada.
 - D Melupakan sebentar identiti kepercayaan sendiri dan menyertai kaum lain.
18. Manakah antara berikut merupakan kesan keruntuhan etika dan peradaban dalam kalangan masyarakat?
- i Hilangnya sifat hormat sesama manusia
 - ii Penggunaan bahasa kesat di media sosial
 - iii Penglibatan amalan rasuah yang berleluasa
 - iv Peningkatan gejala sosial dalam masyarakat
- A i, ii dan iii
 - B i, iii dan iv
 - C ii, iii dan iv
 - D I, ii, iii dan iv
19. Manakah antara berikut merupakan tanggungjawab sosial dikalangan rakyat Malaysia?
- A Penjagaan alam sekitar.
 - B Penyebaran maklumat palsu.
 - C Pembuangan sampah di dalam sungai.
 - D Penjagaan hal ehwal rumahtangga jiran.

20. Berikut merupakan faktor yang boleh merencatkan proses sosialisasi dan integrasi kaum di Malaysia, **kecuali**

- A Jurang pendapatan.
- B Jurang sempadan wilayah.
- C Jurang etika, budaya dan nilai.
- D Jurang perbezaan warna kulit.

BAHAGIAN B : SOALAN STRUKTUR

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam kertas jawapan.

SOALAN 1

Mangsa buli siber berpotensi bunuh diri

SHAH ALAM - Buli siber adalah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan individu melalui medium elektronik seperti mesej khidmat pesanan ringkas (SMS), *chatting*, e-mel, laman web sosial dan WhatsApp yang melibatkan akses teknologi.

Pakar Psikologi Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Fauziah Mohd Saad berkata, kesan kepada mangsa ber-



SAMSILAH

gantung kepada bentuk buli yang diberikan menyebabkan seseorang itu berasa rendah diri sekali gus berpotensi ke arah bunuh diri.

Menurutnya, pembuli siber akan menjadikan individu tertentu sebagai sasaran dan bergantung kepada bagaimana dia melepaskan hasratnya.

“Kadang-kadang mereka (pembuli siber) suka mencairut, mengutuk dan sebagai-

nya,” kata beliau kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Sementara itu, Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Samsilah Roslan berkata, internet sebenarnya melahirkan komuniti individu berselindung identiti menyebabkan mereka berani membuli tanpa rasa bersalah.

“Mereka yang disangka ‘kawan’ namun melemparkan kecaman pedih yang meremukkan hati dan perasaan.

“Akibatnya, si mangsa mengalami tekanan kerana gagal menanggung kecaman

oleh warganet,” katanya.

Beliau berkata, dianggarkan 20 hingga 40 peratus pengguna internet pernah menjadi mangsa buli.

“Ia menyebabkan kemurungan, tekanan psikologi, gangguan mental, bahkan boleh membunuh diri.

“Hasil kajian terhadap profil pembuli siber mendapati motifnya adalah iri hati, obsesi dan ketiadaan perasaan empati kepada mangsa.

“Ada juga pembuli siber yang menjadikan mangsa sebagai tempat melepaskan kemarahan,” katanya.

Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan bukti jenayah buli siber yang berlaku di Malaysia. Jenayah ini merupakan ancaman siber ketiga terbesar selepas jenayah penipuan dan penggodaman atas talian. Berdasarkan pernyataan di Rajah 1,

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan buli siber? Berikan contoh. (4 Markah)
- b) Jelaskan **TIGA (3)** kesan jenayah buli siber terhadap anak muda. (6 Markah)
- c) Cadangkan **LIMA (5)** langkah bagi mengatasi jenayah buli siber daripada berlaku. (10 Markah)

SOALAN 2



Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan perbuatan rasuah yang berlaku di antara dua pihak untuk mendapatkan sesuatu kepentingan. Berdasarkan Rajah 2,

- a) Apakah yang anda faham tentang rasuah dan penyalahgunaan kuasa? (4 Markah)

- b) Huraikan **TIGA (3)** punca berlakunya perbuatan rasuah dalam kalangan masyarakat pada hari ini? (6 Markah)

- c) Huraikan **LIMA (5)** cara pelbagai pihak dalam menangani perbuatan rasuah ini dalam kalangan masyarakat. (10 Markah)

SOALAN 3



Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan proses yang menggambarkan globalisasi berlaku dalam kehidupan masyarakat dunia pada masa kini.

a) Huraikan maksud globalisasi?

(4 Markah)

b) Berikan **TIGA (3)** kepentingan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) terhadap sesebuah negara.

(6 Markah)

c) Terangkan **TIGA (3)** isu semasa berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan **DUA (2)** cara mengatasinya.

(10 Markah)

BAHAGIAN C : SOALAN ESEI

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab soalan di dalam kertas jawapan.

1. Pandemik Covid-19 yang berlaku di negara ini telah memberikan kesan yang besar kepada peradaban masyarakat di seluruh dunia. Bincangkan **TIGA (3)** kesan wabak ini kepada negara dan masyarakat serta **TIGA (3)** detik perpaduan yang anda boleh lihat dalam kalangan masyarakat Malaysia.

(20 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT